

## Hari mengundi PRK DUN Pelangai 7 Oktober

- Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
- 24 Ogos 2023, 12:16 pm



ABDUL Ghani Salleh menunjukkan lokasi DUN Pelangai bagi menjalankan PRK pada 7 Oktober depan. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai, Pahang pada 7 Oktober depan

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Ghani Salleh turut memaklumkan, tarikh penamaan calon pula pada 23 September, manakala undi awal ditetapkan pada 3 Oktober.

“Sejumlah 16,456 pemilih terlibat dengan peruntukan kos kira-kira sebanyak RM2.1 juta,” katanya menerusi sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas PRK Pelangai di sini hari ini.

Kerusi DUN Pelangai, diisytiharkan kosong susulan kematian penyandanginya, Datuk Seri Johari Harun yang terlibat dalam nahas pesawat di Lebuhraya Guthrie di Bandar Elmina, Shah Alam, pada 17 Ogos lalu.

Johari yang merupakan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri dipilih sebagai ADUN Pelangai selepas memenangi kerusi terbabit pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) tahun lalu.

Beliau bersaing empat penjujur dan memperoleh 7,308 undi dengan majoriti 4,048 undi, menewaskan calon Perikatan Nasional (PN), Kasim Samat; calon Pakatan Harapan (PH), Ahmed Wafiuddin Shamsuri; dan calon Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Isa Ahmad. – UTUSAN